

HSE

BULETIN

ISU 17



'KELESTARIAN ALAM SEKITAR'



ALAM SEKITAR

MS | 2
APA ITU KELESTARIAN



KESIHATAN

MS | 5
MENTAL DAN FIZIKAL



KESELAMATAN

MS | 6
PENJAGAAN TAYAR

2 ALAM SEKITAR

BAGAIMANA ALAM SEKITAR MENYUMBANG KEPADA KELESTARIAN

Apa itu 'KELESTARIAN'?

Bumi yang lestari dapat digambarkan sebagai persekitaran bumi yang kekal bebas daripada sebarang unsur kerosakan alam. Sejak kebelakangan ini alam sekitar kian diancam dan tercemar dari pelbagai aktiviti tidak beretika sehingga mengakibatkan kelestariannya terganggu. Masyarakat kita masih gagal dalam memahami dan mengamalkan konsep kelestarian terhadap alam sekitar.

Kenapa pentingnya untuk mengekalkan kelestarian alam sekitar?



Faktor kelestarian alam sekitar terancam



Pembangunan infrastruktur yang tidak terkawal



Kamajuan teknologi



Sikap rakus/ tamak manusia



Sikap tidak ambil peduli terhadap alam sekitar

Kesan kepada kehidupan



Habitat flora dan fauna terjejas



Kepupusan flora dan fauna



Kehidupan sekarang tidak dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang



Bencana alam

Contoh tindakan manusia yang menggugat kelestarian alam sekitar di Malaysia:

1. Kegiatan pertanian yang tidak terancang, pembukaan tanah tanpa kawalan serta penebangan hutan yang keterlaluan di Cameron Highlands membawa kepada masalah tanah runtuh dan banjir lumpur. Ia juga telah mengorbankan nyawa penduduk dan merosakkan harta benda seperti penempatan, jalan raya, sektor perladangan, dan kawasan tadahan air.
2. Isu pembuangan sisa bahan kimia ke dalam Sungai Kim Kim, Taman Pasir Putih, Pasir Gudang telah memberi impak kepada kesihatan manusia. Seramai 2,775 orang telah dimasukkan ke hospital akibat terhidu bahan kimia, gas metana. Sikap tidak ambil peduli oleh setengah pihak telah memberi kesan kesihatan serta boleh mengancam nyawa orang lain. Selain daripada itu, ia juga menyebabkan pencemaran sumber air dan mengancam pendapatan penduduk yang bekerja sebagai nelayan. Sesi persekolahan juga telah ditutup sepanjang krisis tersebut yang membawa kerugian kepada bidang pendidikan.

Apa Yang Harus Dilakukan?



Penguatkuasaan yang berkesan daripada pihak kerajaan



Pemeliharaan dan pemuliharaan hutan



Kerjasama antara pihak kerajaan dan syarikat swasta



Mempergiatkan kempen cinta alam sekitar



Memupuk rasa cinta alam sekitar seawal daripada sekolah rendah

Peranan UMW

Menyedari kepentingan mengekalkan kelestarian alam sekitar, Kumpulan UMW telah terpanggil untuk menyumbang ke arah menangani isu global dan tempatan seperti perubahan cuaca, pencemaran udara, mengurangkan penggunaan sumber yang tidak boleh diperbaharui dan penggunaan sumber air. Pada 30 April 2019, 'Kick Off Program on Development of UMW Environmental Action Plan' telah diadakan yang dihadiri oleh pihak pengurusan atasan syarikat dan pengamal HSE UMW. Program ini bertujuan untuk berbincang dan merangka Pelan Tindakan Alam Sekitar untuk 5 tahun bagi Kumpulan UMW. UMW sedaya upaya ingin membantu bagi memastikan kelestarian itu dapat dikekalkan.

Antara gambar semasa 'Kick Off Program on Deveoment of UMW Environmental Action Plan' diadakan:



Sesi pembentangan 'Sustainability Report 2017' dan kriteria serta penilaian alam sekitar oleh Pn. Razni Abdul Razak, Investor, Media Relations and Sustainability (IMRS)



Ucapan pembukaan daripada En. Abdul Aziz Edar, GHSE



Sesi Perkongsian oleh Pn. Shaniza Sehat, UMW Toyota HQ



Sesi pembentangan oleh En. Norzahreen Zaharimi, GHSE



Sesi 'brainstorming' dan perancangan pelan tindakan alam sekitar untuk 5 tahun oleh wakil pihak pengurusan syarikat dan pengamal HSE UMW



Ucapan penutup oleh En. Zailani Ali, Pengarah Eksekutif, Kumpulan Sumber Manusia Kumpulan



Peserta bergambar dengan En. Zailani Ali di akhir program

PENGAJARAN DARIPADA KEJADIAN KEMALANGAN

KES 1

Tarikh : 1 Mac 2019
Bilangan hilang hari bekerja : 8 hari

Butir-butir kejadian

Semasa menutup pintu pejabat, mangsa meletakkan bar besi di bahagian tengah pintu. Secara tiba – tiba bar besi tersebut terjatuh dan terkena hidung mangsa. Mangsa dibawa ke kilinik untuk mendapatkan rawatan susulan dan diberikan cuti sakit selama 8 hari

Langkah pembaikan

1. Memberi taklimat keselamatan berkaitan hazard di tempat kerja kepada semua pekerja



KES 2

Tarikh : 22 Februari 2019
Bilangan hilang hari bekerja : 6 hari

Butir-butir kejadian

Setelah melakukan kerja pemeriksaan dan membaiki pam air yang bocor di 'washing bay', mangsa cuba menghidupkan pam bagi memastikan tiada kebocoran yang berlaku. Tiba – tiba muncung hos air tersebut bergerak sendiri disebabkan oleh tekanan air yang kuat lalu melibas muka mangsa. Dia dibawa ke klinik bagi mendapatkan rawatan susulan. Mangsa mengalami kecederaan di bahagian hidung serta bengkak di bawah mata dan diberikan cuti sakit selama 6 hari.

Langkah pembaikan

1. Memberi taklimat keselamatan kepada pekerja supaya mematuhi SOP iaitu hos tersebut perlu diletakkan di tempat yang sepatutnya
2. Mempamerkan papan tanda amaran bahaya di kawasan pam tersebut sebagai peringatan awal kepada pekerja
3. Mengenal pasti bahaya-bahaya di persekitaran sebelum memulakan kerja serta mematuhi papan amaran hazard yang diletakkan di kawasan kerja.



APA ITU KESIHATAN FIZIKAL & MENTAL ?

Kesihatan mental merupakan satu cara hidup yang memerlukan keseimbangan dari segi aspek fizikal, psikologi, kerohanian dan sosial. Semua ini saling berkaitan dan mempengaruhi kebolehan seseorang bertindakbalas dengan cara yang sesuai dan sewajarnya

KESIHATAN FIZIKAL

Bebas daripada:

- Kesakitan
- Ketidakupayaan fizikal
- Penyakit kronik dan berjangkit
- Ketidakselesaan tubuh badan yang memerlukan perhatian daripada pakar perubatan.

KESIHATAN MENTAL

- Bijak menguruskan tekanan (stress)
- Bekerja dengan produktif
- Boleh menyumbang kepada masyarakat
- Berfikir dengan waras

Tahukah Anda?




1 daripada 3 rakyat Malaysia mengalami masalah mental.



Wanita 1.5% - 3% lebih berisiko menghadapi masalah kemurungan berbanding lelaki

- ✓ 15.7% daripada kes kemurungan adalah pelajar
- ✓ 11.2% remaja mempunyai niat untuk membunuh diri.
- ✓ 9% merancang untuk bunuh diri.
- ✓ 10.1% melakukan cubaan untuk bunuh diri.





LANGKAH PENCEGAHAN

Pengurusan wang yang baik	Gaya hidup yang ceria.	Tidur dan rehat yang cukup.	Mengimbangi keperluan hidup dan kerja dengan baik.	Budaya pemakanan yang sihat dan seimbang	Menguruskan tekanan dengan baik	Membina hubungan baik dengan ahli keluarga dan rakan-rakan	Berfikir positif	Berfikir rasional	Sayangi diri sendiri	Dapatkan rawatan segera jika terdapat tanda-tanda kemurungan.
---------------------------	------------------------	-----------------------------	--	--	---------------------------------	--	------------------	-------------------	----------------------	---

APA ITU GAS HIDROGEN SULFIDA (H₂S)?

Gas H₂S wujud di beberapa industri/ sektor dan ia memberi risiko serta membahayakan kesihatan dan keselamatan pekerja. Antaranya:

					
Kilang cari gali minyak & gas	Kilang pemprosesan minyak & gas	Proses pengangkutan dan penyimpanan bahan kimia yang mengandungi H ₂ S	Pekerjaan di ruang terkurung (cth: aktiviti pembersihan tangki, terowong)	Kerja rawatan air kumbahan dan sistem pembedahan	Pusat perlupusan sampah



KESAN KESIHATAN JANGKA PENDEK

		
Keletihan	Mual	Sakit mata
		
Hilang selera makan	Pening	Batuk
		
		Hilang deria bau sementara

PENTING!

- Pendedahan kepada kepekatan H₂S yang tinggi boleh menyebabkan:
- Seseorang tidak sedarkan diri, dan apabila bangun akan mengalami sakit kepala, mengurangkan tahap ingatan, memori dan mengganggu fungsi motor badan.
 - Peningkatan cecair yang berlebihan di dalam paru-paru.

LANGKAH PENCEGAHAN BAGI MEREKA YANG TERDEDAH KEPADA H₂S KETIKA BEKERJA

Sebelum bekerja:



Memastikan orang kompeten membuat pemeriksaan sistem pengudaraan di tempat kerja



2. Memasang sistem ventilasi / kipas untuk merendahkan tahap H₂S pada setiap masa.



3. Merancang pelan tindakan kecemasan dan memastikan semua pekerja dilatih dan bersedia setiap masa.

Ketika bekerja:

- Menggunakan peralatan perlindungan peribadi (PPE) yang bersesuaian.
- Pekerja perlu memakai 'personal gas detector' setiap masa untuk memantau tahap kepekatan H₂S.



PEMENANG CARI BARANG TERSEMBUNYI & SLOGAN KESELAMATAN




TEMPAT PERTAMA



Noor Ammelia Shahira bt. Mohamad Redza
UMW Corporation Sdn. Bhd.
Slogan : Accident is Tears, Safety is Cheers



TEMPAT KEDUA



Mohd Hafiz Hafzam
UMW Industries (1985) Sdn. Bhd.
Slogan : Lebih baik kehilangan 1 minit dalam kehidupan daripada kehilangan kehidupan dalam 1 minit



TEMPAT KETIGA



Ellie Anna Liza Anak Socret
UMW East Malaysia, Miri
Slogan : Four attitude to ensure safety, S – Stay alert, A – Act safe, F – Follow rules, E – Emphasize compliance



TAKLIMAT ASAS KESELAMATAN
KEBAKARAN OLEH PEGAWAI BOMBA,
UMW BUKIT MINYAK
19 JANUARI 2019



LATIHAN SISTEM BERKOMPUTER
PENCEGAH KEBAKARAN UNTUK
JURUTEKNIK KESELAMATAN
ASSB BUKIT RAJA
21 JANUARI 2019



CERAMAH KESELAMATAN JALAN RAYA
OLEH PEGAWAI JKJR,
MENARA UMW
30 JANUARI 2019



LATIHAN 'ISO 45001 AWARENESS &
HAZARD IDENTIFICATION, ASSESSMENT
OF RISK AND OPPORTUNITIES (HIARO)'
UMW GROUP
19 & 20 FEBRUARI 2019



LATIHAN 'HSE GREEN CARD'
UMW CORPORATION SDN BHD
28 FEBRUARI 2019



LATIHAN 'BASIC OCCUPATIONAL FIRST
AID AND CPR' KEPADA PEKERJA UMW
UMW GROUP
5 & 6 MAC 2019



PERLANCARAN ISO 45001 : 2018,
CAWANGAN KUCHING
12 MAC 2019



PERLANCARAN ISO 45001 : 2018,
CAWANGAN MIRI
14 MAC 2019



CERAMAH KESELAMATAN JALAN RAYA
OLEH PEGAWAI JKJR,
UMW EQUIPMENT, SHAH ALAM
21 MAC 2019



PERLANCARAN ISO 45001 : 2018,
CAWANGAN SANDAKAN
25 MAC 2019



PERLANCARAN ISO 45001 : 2018,
CAWANGAN KOTA KINABALU
28 MAC 2019



ISO 45001:2018 DOCUMENTATION
WORKSHOP
UMW GROUP
1 APRIL 2019



TAKLIMAT KEBAKARAN DAN LATIHAN
MEMADAM API,
UMW IPOH
8 april 2019



TAKLIMAT KESEDARAN
OHSAS 18001:2007
UMW CORPORATION SDN. BHD.
4 - 12 APRIL 2019



PENAKSIRAN RISIKO BAHAN KIMIA
TERHADAP KESIHATAN (CHRA),
UMW EQUIPMENT,
UMW INDUSTRIES (1985),
UMW INDUSTRIAL POWER SERVICES
24 APRIL 2019



AUDIT PEMANTAUAN OHSAS 18001:2007
OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL
SDN. BHD. UMW SHAH ALAM,
UMW BUKIT MINYAK & UMW IPOH
15 APRIL 2019 - 30 MEI 2019